

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. (76)

28 April 2022

26 Ramadan 1443H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2022

PENGISYTIHARAN CUTI KHAS PERISTIWA

Sukacita dimaklumkan bahawa sempena jangkaan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 3 Mei 2022, maka Kerajaan Johor telah mengisytiharkan tarikh **2 Mei 2022 (Isnin) sebagai hari Kelepasan Am** (cuti khas peristiwa bagi negeri Johor), setelah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i) Memudahkan perancangan perjalanan keluarga sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri;
- ii) Mengurangkan kesesakan lalu lintas dan risiko kemalangan jalan raya pada hari Isnin sebelum perayaan bagi mereka yang bekerja dan tergesa-gesa untuk pulang menyambut hari perayaan;
- iii) Memberi ruang kepada keluarga melapangkan masa lebih lama bersama-sama keluarga setelah dua (2) tahun tidak dapat meraikan Aidilfitri dengan meriah ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan;
- iv) Meningkatkan motivasi dan kebajikan kepada pekerja dengan memberi cuti lebih awal;
- v) Memberi kemudahan kepada keluarga membuat persiapan hari raya dengan tenang dan selesa;
- vi) Memberi kemudahan kepada ibu bapa bagi menguruskan anak-anak yang tidak bersekolah dan masih kecil kerana pusat penjagaan kebanyakannya akan ditutup pada tarikh tersebut.

2. Selaras dengan Seksyen 9 (1), Akta Hari Kelepasan Am 1951 (Akta 369), maka Universiti turut menyahut arahan Kerajaan Johor dan cuti kelepasan am (Cuti Khas Peristiwa) tersebut diberikan kepada seluruh warga UTM pada tarikh tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf yang terlibat dengan jadual bertugas yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

GA/zo